

KADAR SEWA KOMPLEKS 3K MBSJ, SERDANG RAYA

BIL	JENIS KEMUDAHAN	HARI BIASA (RM)	CUTI AM / UMUM (RM)	MASA
i.	DEWAN SERBAGUNA			
	➤ Gelanggang Badminton	15.00	18.00	1 Jam/Gelanggang
	➤ Agensi Kerajaan/Persatuan/IPT/NGO Berdaftar	100.00	120.00	1 Jam/Sesi
	➤ Agensi Swasta	120.00	150.00	1 Jam/Sesi
	MAJLIS PERKAHWINAN/JAMUAN/KERAIAN Sesi 1 : 9.00 pagi - 5.00 petang Sesi 2 : 3.00 petang - 11.00 malam	1,440.00	2,000.00	8 jam/ Sesi
	PERSIAPAN MAJLIS PERKAHWINAN/JAMUAN/KERAIAN Sesi 1 : 5.00 petang - 11.00 malam Sesi 2 : 9.00 pagi - 3.00 petang	360.00	500.00	6 Jam/ Sesi
ii.	Bilik Diskusi	80.00	100.00	1 Jam/Sesi
iii.	Gimnasium	3.00	4.00	3 Jam/Sesi
iv.	Padang Awam	150.00	200.00	2 Jam/Sesi

*Harga TIDAK termasuk cagaran

- *Kadar sewaan tidak termasuk cukai perkhidmatan SST 6%*

SYARAT DAN PERATURAN PENGGUNAAN KOMPLEKS 3K MBSJ, SERDANG RAYA

- Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan menjelaskan bayaran sewaan dalam masa tujuh (7) hari selepas surat kebenaran diterima. Sila bawa bersama Surat Kebenaran dan Resit Bayaran Cagaran semasa menggunakan kemudahan. Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya merupakan kawasan **Larangan Merokok**.
- Pengguna dinasihatkan memakai pakaian dan kasut yang sesuai dengan jenis permukaan gelanggang yang digunakan.
- Pengguna hendaklah bertanggungjawab menjaga **kebersihan/keselamatan** segala kemudahan yang terdapat di Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya semasa dan selepas penggunaan.
- Pengguna dinasihatkan menyediakan **pasukan petugas kebersihan sepanjang masa program berlangsung** dan segala sampah sarap hendaklah di buang ke tempat pembuangan sampah yang disediakan ataupun di bawa keluar dari kawasan bangunan.
- Pengguna hendaklah bertanggungjawab untuk meletakkan peralatan yang digunakan ke tempat asal dengan teratur dan tersusun.
- Bagi tujuan pemasangan khemah atau peralatan yang melibatkan struktur di luar Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya, pengguna diminta mendapat khidmat nasihat daripada Pegawai MBSJ terlebih dahulu.
- Bagi penggunaan komponen elektrik seperti sistem pencahayaan dan sistem bunyi, pengguna di minta untuk mendapatkan kebenaran dari Pegawai yang bertugas terlebih dahulu. Tahap penggunaan tenaga elektrik adalah tidak melebihi 2000 watt @ 13 Ampre. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku gangguan elektrik akibat kecuaiian dari pengguna.
- Khemah atau struktur yang di pasang di luar kawasan yang diluluskan hendaklah di buka **sebaik sahaja program tamat**. Pemotongan Cagaran Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya akan dilakukan jika pengguna gagal mematuhi syarat ini.
- Pengguna dilarang keras membawa masuk makanan atau minuman yang **Haram Disisi Agama Islam** dan apa-apa yang boleh **merosakkan/mengotorkan** kawasan Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya kecuali mendapat kebenaran daripada pihak Majlis.
- Pengguna dilarang mengadakan sebarang aktiviti perniagaan di kawasan Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya.
- Pengguna dilarang menjalankan segala aktiviti **masakan/menggoreng/merebus** atau apa jua **penyediaan makanan dan minuman** di dalam kawasan kemudahan Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya.
- MBSJ tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan, kecederaan atau kecurian yang berlaku semasa penggunaan Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya.
- Majlis juga **berhak membatalkan kebenaran** penggunaan Kompleks 3K MBSJ, Serdang Raya jika terdapat program rasmi yang melibatkan pihak MBSJ.
- Potongan sebanyak **RM100.00** akan dikenakan terhadap bayaran tempahan sekiranya terdapat pembatalan tempahan dilakukan.
- Sebarang peraturan-peraturan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada pindaan MBSJ.
- Pemotongan cagaran sebanyak 50% akan dikenakan sekiranya terdapat kekotoran manakala pemotongan 100% akan dikenakan sekiranya terdapat sebarang kerosakan selepas penggunaan